

# Dr.M: Expo Perak mudahkan hubungan Kerajaan dan rakyat

IPOH, Ahad — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, penyertaan agensi-agensi Kerajaan dalam Expo Perak 80 akan memberi peluang kepada orang ramai terutama dari luar bandar mempelajari tugas-tugas agensi berkenaan secara lebih dekat lagi.

Beliau yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian berkata, cara ini akan memudahkan lagi perhubungan pihak Kerajaan dengan orang ramai.

"Pendekatan ini sungguh baik kerana dalam sesebuah negara yang membangun, Kerjasama erat antara pihak Kerajaan dengan orang ramai adalah sangat-sangat diperlukan," ujarnya.

Beliau menyatakan demikian dalam kata-kata aluan buku cenderamata Expo Perak 80 anjuran sebuah syarikat swasta di sini.

Expo yang akan berakhir bulan depan itu dirasmikan oleh Menteri Besar Perak, Datuk Seri Haji Wan Mohamed bin

Haji Wan Teh, petang semalam.

Kata Datuk Seri Dr. Mahathir, expo ini jika dilaksanakan dengan baik dan tersusun akan memberikan maklumat yang paling baik kepada orang ramai tentang keluaran barang-barang tempatan yang diproses oleh kilang-kilang tempatan sendiri.

Dalam ucapan perasmian itu, Datuk Seri Haji Wan Mohamed berkata, Perbadanan Kemajuan Negeri Perak sedang merancang membuka kawasan perusahan di daerah Menglembu, Tupai (Taiping), Grik, Teluk Anson, Silibin (Ipoh) dan Gunung Rapat.

Menurutnya, sehingga akhir bulan September tahun ini lebih \$21 juta telah dibelanjakan bagi membangunkan tapak-tapak perusahaan.

Perbelanjaan itu untuk membuka seluas 2,851 ekar di Jelapang, Kamunting, Parit Buntar, Kuala Kangsar, Tupai (Taiping), Seri Manjung dan Kampung Acheh.